

# TAHAP KEFAHAMAN SERTA PENCAPAIAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN SISWA GURU DI IPG KAMPUS ILMU KHAS

*The Level Of Understanding And Achievement Of Soft Skills Among The Undergraduate  
Teachers At IPG Kampus Ilmu Khas*

<sup>1</sup>**Dr. Syed Ismail Syed Mustapa**

<sup>2</sup>**Dr. Ismail Raduan**

<sup>3</sup>**Ahmad Subki Miskon**

<sup>4</sup>**Edaham Ismail**

<sup>1234</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

<sup>1</sup>syed\_ismail@ipgkik.edu.my

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman serta pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Peserta kajian terdiri daripada 128 orang siswa guru Semester 3 yang mengikuti 6 bidang pengkhususan iaitu 19 orang siswa guru pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran (39 orang), Pendidikan Muzik (22 orang), Pengkhususan Bahasa Inggeris (3 orang), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (30 orang), dan Pendidikan Seni Visual (15 orang). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Tujuh aspek kajian telah diuji iaitu sikap dan sahsiah, kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan maklumat, daya saing, integriti dan kemahiran penyelesaian masalah. Data dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan menunjukkan bahawa 87 orang (68%) siswa guru faham dan jelas manakala lapan orang (6%) lagi menyatakan bahawa mereka langsung tidak faham dengan terhadap kemahiran insaniah yang perlu dilaksanakan semasa berada IPGKIK. Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa enam aspek kemahiran insaniah iaitu sikap dan sahsiah, kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran komunikasi, daya saing dan integriti berada pada tahap sederhana tinggi dengan masing-masing berada pada min 3.82 - 3.36. Sementara itu kemahiran penyelesaian masalah pula berada pada tahap sederhana rendah dengan catatan min 2.96 ( $sp=$ . 51) sahaja. Selain itu kajian juga mendapati bahawa 54 orang (41%) tidak akan memilih IPG sebagai tempat pangajian sekiranya tiada peruntukan elaun disediakan. Pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan memberikan lebih input kepada siswa guru agar mereka lebih memahami kemahiran insaniah, visi dan misi yang perlu dilaksanakan semasa berada di institusi ini serta memahami perbezaan fungsi antara IPG dengan institusi Pendidikan yang lain.

**Kata Kunci:** visi, misi, kerjaya keguruan, kemahiran insaniah

## ABSTRACT

*The purpose of this study was to find out the level of understanding and achievement of student's soft skills among the undergraduate teachers (Jun 2016 admission) who participated in the Bachelor of Teaching Program at Teacher Education Institute, Ilmu Khas Kuala Lumpur Campus. The respondents of this study were 128 undergraduate teachers who are in the third semester and from 6 majors such as 19 of them from major in Special Education program (Blind), 39 major in Special Education (Hearing) followed by other majors such as 22 in Music Education, 3 in*

*English, 30 in Sports and Health Education and 15 in Visual Arts Education. This study employed quantitative approach using a questionnaire as the main instrument. Seven aspects tested were attitude and personality, leadership skills, information management skills, competitive skills, integrity and problem-solving skills. Data was analyzed descriptively using percentage, mean and standard deviation. The findings showed that 87 respondents (68%) of the undergraduate teachers understood clearly of the vision and mission of the institution, while eight respondents (6%) stated that they did not understand at all about it. Subsequently, referring to the six aspects soft skills such as attitude and personality, leadership skills, information management skills, competitive skills, integrity, the scores were moderately high with mean values between 3.36 and 3.82. While the score for problem-solving skills was moderately low with mean values at 2.96 (sd=.51). In addition, the findings showed that 54 respondents (41%) will not choose to study at the Teacher Education Institute if there was not allowance provided. The researchers propose that the management should provide more input to the undergraduate teachers so that they will understand the soft skills, vision and mission of the institute better and able to understand the differences between the Teacher Education Institutions and other education institutions.*

**Key words:** *vision, mission, teaching career, soft skills*

## PENGENALAN

Kemahiran insaniah merupakan antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh siswa guru (SG) pada masa kini. Siswa guru yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi akan dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan lagi. Dalam konteks pendidikan, penguasaan kemahiran insaniah akan membolehkan siswa guru membentuk modal insan seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, pembentukan dan penguasaan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan seawal mungkin termasuklah ketika mereka sedang mengikuti program keguruan. Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), kemahiran insaniah adalah penterjemahan daripada visi dan misi yang digariskan oleh pihak pengurusan. Visi dan misi sangat penting kerana ini merupakan penentu matlamat dan hala tuju sesebuah organisasi, institusi atau jabatan. Visi dan misi mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dalam membentuk wawasan sesuatu organisasi, institusi atau jabatan dan merupakan pemangkin setiap warga untuk mencapainya. Oleh itu, visi dan misi mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk persekitaran kerja yang strategik. Menurut Ahmad, Noor & Idris (2007), visi dan misi menunjukkan nilai, falsafah dan aspirasi yang membimbing tindakan organisasi lebih lanjut sebagai dasar dan strategik perancangan bagi sesebuah institusi.

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) merupakan sebuah institusi latihan perguruan mempunyai visi dan misi yang jelas dalam melahirkan guru yang cemerlang mengikut kebitaraan masing-masing. Ini dapat dilihat dalam visi IPGKIK yang berbunyi “Kecemerlangan Kebitaraan Penjana Profesionalisme keguruan”. Sementara itu misinya pula adalah untuk “Melahirkan Pendidik yang Kompeten, Bersahsiah Terpuji, Berdaya Saing dan Berintegriti Melalui Kecemerlangan Ilmu bagi Mencapai Pendidikan Berkualiti”. Visi dan misi menggambarkan kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh siswa guru di IPGKIK. Maka setiap siswa guru perlu berusaha menterjemahkan kemahiran insaniah berdasarkan kepada visi dan misi yang telah ditetapkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Banyak perbezaan tentang takrifan kemahiran insaniah (Freeman et al, 2008). Takrifan ini berbeza berdasarkan kepelbagaian kepentingan. Sebagai contoh, Treleavan & Voola (2008) dan *Tuning Report* (2008) merujuk kemahiran insaniah kepada kemahiran generik, kemahiran professional, dan kemahiran utama iaitu kemahiran yang boleh dipindahkan. Selain itu, kemahiran insaniah juga kepada kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dan atribut siswazah (Curtis & McKenzie, 2002; Drummond et al., 1998); kebolehan yang perlu dipunyai siswazah (Bowden et al., 2000), dan atribut siswazah (Barrie, 2004; Bowden et al., 2000). *United States Agency for International Development* (USAID) (2016) pula menyatakan kemahiran insaniah merujuk kepada kemahiran yang sangat luas yang melibatkan tingkah laku dan kualiti diri serta keupayaan seseorang untuk berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Kemahiran ini akan digunakan dalam pelbagai bidang dan saling melengkapi antara kemahiran teknikal dan kemahiran akademik.

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang sangat diperlukan dalam mengembangkan potensi seseorang siswazah khususnya semasa mereka sedang berada di alam pengajian atau memberi gambaran kejayaan seseorang siswa di alam pekerjaan nanti. Kajian menunjukkan bahawa kualiti dan keupayaan siswa dalam bidang akademik dan kemahiran teknikal berupaya untuk meramal kejayaannya di masa akan datang (Kautz, et al., 2014). Kajian lain juga menunjukkan bahawa keperluan kemahiran insaniah dalam alam pekerjaan semakin bertambah dalam masa 20 tahun terbelakang ini (Balcar, 2014; Carnevale, 2013; Eger & Grossmann, 2004). Walau bagaimanapun laporan juga menunjukkan bahawa para majikan di seluruh dunia melaporkan bahawa para pekerja baharu berkurangan dalam kemahiran insaniah ini (Manpower Group, 2013).

Maka kemahiran insaniah ini adalah kemahiran yang perlu dikuasai oleh para siswazah. Pendapat Bancino dan Zevalkink (2007), para siswazah perlu kepada pendidikan dan latihan tetapi latihan pada hari ini hanya memberi tumpuan kepada bidang teknikal, matematik, sains dan kemahiran teknikal sahaja. Kemahiran ini tidak mencukupi dan pasaran kerja hari ini yang berkehendakkan lebih daripada itu. Oleh itu kemahiran insaniah sangat diperlukan dan menjadi pelengkap kepada bidang-bidang lain seperti teknologi maklumat, kejuruteraan, seni bina, dan penyelidikan dan pembangunan. Apa yang dirisaukan pada hari ini adalah siswa-siswa yang keluar daripada institusi pengajian tinggi yang menjadi pekerja baharu hanya mempunyai kemahiran dalam bidang yang diceburinya tetapi kurang dalam kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi (Klaus, 2010). Ini ditekankan oleh Stevenson & Starkweather (2010) bahawa kemahiran insaniah ini menjadi faktor penentu sesuatu kejayaan sesuatu projek dan pengurusan projek.

Kemahiran insaniah biasanya merupakan kemahiran bukan teknikal. Juga ditakrifkan sebagai kemahiran interpersonal, kemahiran kemanusiaan, kemahiran tingkahlaku yang diperlukan untuk mengaplikasikan kemahiran teknikal dan pengetahuan dalam alam pekerjaan (Weber et al., dalam De Villiers, 2010). Kemahiran insaniah ini dikategorikan sebagai perkara-perkara yang berkaitan isu-isu kemahiran kemanusiaan seperti komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, pengurusan konflik, negosiasi, profesionalisme dan etika (Azim et al., 2010). Walau bagaimanapun Litecky, Arnett, & Prabhakar (2004) menyatakan kesemua kemahiran ini boleh diperolehi melalui latihan dalam perkhidmatan dan latihan kemahiran-kemahiran tertentu melalui tugas yang diberikan. Dixon et al., (2010) pula menyatakan kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal adalah dua kemahiran yang bertentangan lain tetapi kedua-dua kemahiran ini yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kemahiran insaniah dipengaruhi oleh kemahiran kognitif dan berupaya menentukan keupayaan untuk kemahiran insaniah yang digunakan. Walau

bagaimanapun kajian juga mendapati kemahiran insaniah lebih memainkan peranan penting terhadap siswa guru dan orang dewasa (Heckman *et al.*, 2006; Kautz *et al.*, 2014). Menurut Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGM), KPM (2017), kemahiran Insaniah adalah kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kemahiran berkumpulan.

Kajian daripada 285 orang pelajar dan 32 orang jurulatih Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina (Juliza Ezaida Jumelan, 2014). Antara kemahiran insaniah yang dikaji adalah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat kerja keusahawanan, etika profesional dan moral, dan juga kemahiran kepimpinan. Kajian ini berasaskan kepada aktiviti yang dijalankan dalam kegiatan kokurikulum. Menurut IPGM (2017), tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh setiap siswa guru adalah pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat kepentingan kemahiran insaniah ini dalam konteks siswa guru di awal pengajian di Institut Pendidikan Guru. Maka pengkaji memilih lapan kemahiran iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran penyelesaian masalah, sikap dan sahsiah, integriti, daya saing dan kemahiran pengurusan maklumat menjadi konstruk utama. Sebenarnya kemahiran insaniah yang dipilih ini mewakili tujuh kemahiran insaniah yang digariskan oleh IPGM (2017). Kepentingan kajian sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau kefahaman dan kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016), IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur. Diharapkan kajian akan memberi maklumat kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru (IPG) terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dengan siswa guru di IPG.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Beberapa badan penyelidikan mengkaji kepentingan dan manfaat kemahiran insaniah. Kajian Shah *et al.* (2004) dan Smith dan Comyn (2004) meneroka kepentingan kemahiran komunikasi untuk kejayaan dalam pasaran kerja. Begitu juga, Thacker dan Yost (2002) yang menjalankan kajian untuk menilai pelajar yang bekerja dalam persekitaran pasukan. Hart Research Associates (2013) mengkaji kepentingan kemahiran insaniah pelajar yang melibatkan kemahiran berfikir, penyelesaian masalah yang rumit, dan mengaplikasikan pengetahuan dalam dunia yang sebenar. Kajian-kajian lain yang berkaitan dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah boleh diperolehi daripada kajian (Cappel, 2001); Owen (2001), Fang *et al.* (2005), dan McMurtrey *et al.* (2008).

Sethi (2016) menyatakan bidang profesional mengalami perubahan yang drastik dalam tempoh masa yang singkat. Ini dapat diperhatikan dengan beribu graduan dan lepasan pasca siswazah tidak mendapat tempat sewajarnya dalam pasaran kerja disebabkan kekurangan kemahiran insaniah. Kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi. Jones, Baldi, Philip dan Waikar (2016) mendapati pencari pekerjaan dalam setiap pameran kerjaya di universiti lebih memilih dan mencari pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Purata Gred Tahunan (GPA) dan pengalaman pekerjaan kurang penting disisi syarikat-syarikat ini. Quek (2005) dan Ahmad (2007) bersetuju masalah pengangguran dikalangan graduan pada masa sekarang adalah

disebabkan kekurangan kemahiran insaniah kerana diperingkat pengajian tinggi komponen ini kurang diberi perhatian berbanding dengan kemahiran teknikal.

Melihat kepada kepentingan kemahiran ini, Keong (2014) menjalankan kajian dan mendapati tahap kemahiran insaniah pelajar Politeknik Premier Malaysia yang berada pada tahap tinggi secara keseluruhan yang merangkumi aspek kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis, dan kemahiran kerja berpasukan. Selain itu, dapatan beliau menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran insaniah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Walaupun begitu, terdapat halangan kepada proses pembangunan insaniah ini. Fletcher dan Padron (2016) menemui dapatan yang kukuh daripada penyelidikan yang menyeluruh berkaitan dengan halangan kepada pembangunan kemahiran insaniah.

## **TUJUAN KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau tahap kefahaman serta pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016), IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur. Objektif kajian ini ialah:

- i. mengenal pasti tahap kefahaman kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016), IPG Kampus Ilmu Khas;
- ii. mengenal pasti tahap pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016), IPG Kampus Ilmu Khas; dan
- iii. Mengenal pasti sebab kesesuaian pemilihan sebagai siswa guru di IPG jika tiada peruntukan elaun.

## **METODOLOGI**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman siswa guru terhadap misi IPGKIK dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun, 2016) yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 128 orang siswa guru Semester 3 yang mengikuti enam pengkhususan pengajian. Daripada jumlah tersebut, 54 orang adalah siswa guru lelaki dan 74 orang siswa guru perempuan. Pecahan mengikut pengkhususan pengajian pula ditunjukkan dalam Rajah 1;

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kajian tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Data dipungut dengan menggunakan soal selidik lima skala (1-STS, 2-TS, 3-KS, 4-S, 5-SS) digunakan untuk menjadi pilihan kepada sampel kajian. Instrumen soal selidik yang digunakan terdiri daripada 60 item yang mana item-item berkenaan telah dikumpulkan mengikut tujuh aspek iaitu Kemahiran Komunikasi (5 item), Kemahiran Kepimpinan (5 item), Kemahiran Penyelesaian Masalah (5 item), Sikap dan Sahaiah (8 item), Integriti (15 item), Daya Saing (17 item) dan Kemahiran Pengurusan Maklumat ( 5 item).

Sebelum menjalankan kajian, instrumen dan item yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada empat orang pensyarah di Jabatan Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGK Ilmu Khas yang bertujuan untuk memantapkan isi kandungan item yang dibina. Teguran dan pandangan daripada empat orang pensyarah ini telah

diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina. Ujian rintis yang telah dijalankan terhadap setiap item dan Nilai Alpha Cronbach bagi setiap konstruk seperti dalam Jadual 1;

Jadual 1  
Nilai Alfa Cronbach bagi setiap konstruk

| Konstruk                         | Bil item | Nilai Alpha Cronbach |
|----------------------------------|----------|----------------------|
| 1 Kemahiran Komunikasi           | 5        | .757                 |
| 2 Kemahiran Kepimpinan           | 5        | .729                 |
| 3 Kemahiran Penyelesaian Masalah | 5        | .799                 |
| 4 Sikap dan Sahsiah              | 8        | .724                 |
| 5 Integriti                      | 15       | .750                 |
| 6 Daya Saing                     | 17       | .744                 |
| 7 Kemahiran Pengurusan Maklumat  | 5        | .809                 |
| Keseluruhan                      | 60       | .903                 |

Setelah menguji kebolehpercayaan instrumen, pengkaji mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan secara keseluruhan item dengan menggunakan nilai *alpha Cronbach* adalah 0.903. Nilai *alpha Cronbach* ialah 0.903 yang merangkumi 60 item ini memberi gambaran bahawa semua item sesuai dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian ini (Devellis, 1991).

Data dianalisis secara deskriptif. Analisis deskriptif diperolehi berdasarkan nilai min, nilai peratus, dan sisihan piawai. Penginterpretasian data min bagi setiap konstruk yang dianalisis dikategorikan mengikut tahap-tahap tertentu berdasarkan kepada Jadual 2.

Jadual 2  
Interpretasi skor min

| Skor Min    | Interpretasi           |
|-------------|------------------------|
| 1.00 – 2.00 | Tahap rendah           |
| 2.01 – 3.00 | Tahap sederhana rendah |
| 3.01 - 4.00 | Tahap sederhana tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tahap tinggi           |

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein (1994); Alias Baba (1997)

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan berpandukan program `Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0.

## DAPATAN KAJIAN

- A) Dapatan kajian yang pertama adalah untuk Tahap kefahaman kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016), IPG Kampus Ilmu Khas), IPG Kampus Ilmu Khas ditunjukkan dalam Jadual 3;

Jadual 3  
Kefahaman Siswa Guru Terhadap Misi IPGKIK

| Kefahaman      | Bil Siswa | Peratus |
|----------------|-----------|---------|
| Faham          | 87        | 68      |
| Tidak faham    | 8         | 6       |
| Tidak menjawab | 33        | 26      |

Berdasarkan Jadual 3, didapati 87 orang siswa guru atau 68% menyatakan bahawa mereka faham dan jelas terhadap kemahiran insaniah dalam usaha untuk melahirkan siswa guru yang kompeten, bersahsiah terpuji dan berintegriti melalui kecemerlangan ilmu bagi mencapai pendidikan berkualiti dan seterusnya mampu menjadi guru yang berkualiti. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hanya lapan orang atau 6% siswa guru menyatakan bahawa mereka langsung tidak faham terhadap misi IPGKIK dan selebihnya iaitu 33 orang atau 26% peratus tidak memberikan respon mengenai kefahaman mereka.

- B) Dapatan kedua kajian pula adalah untuk mengenal pasti pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru ditunjukkan dalam Jadual 4;

Jadual 4  
Tahap pencapaian kemahiran insaniah

| Bil | Misi IPGKIK                    | min  | sp  | Tahap                  |
|-----|--------------------------------|------|-----|------------------------|
| 1   | Sikap dan Sahsiah              | 3.82 | .41 | Tahap sederhana tinggi |
| 2   | Kemahiran Kepimpinan           | 3.77 | .52 | Tahap sederhana tinggi |
| 3   | Kemahiran Pengurusan Maklumat  | 3.64 | .77 | Tahap sederhana tinggi |
| 4   | Kemahiran Komunikasi           | 3.59 | .56 | Tahap sederhana tinggi |
| 5   | Daya Saing                     | 3.49 | .36 | Tahap sederhana tinggi |
| 6   | Integriti                      | 3.36 | .37 | Tahap sederhana tinggi |
| 7   | Kemahiran Penyelesaian Masalah | 2.96 | .51 | Tahap sederhana rendah |

Berdasarkan Jadual 4. didapati enam aspek kemahiran insaniah iaitu sikap dan sahiah, kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran komunikasi, daya saing dan integriti berada pada tahap sederhana tinggi dengan masing-masing berada pada min 3.82 hingga 3.36. Sementara itu kemahiran penyelesaian masalah pula berada pada tahap sederhana rendah dengan catatan min 2.96 (sp=.51) sahaja. Ini menunjukkan bahawa tiada kemahiran insaniah yang berada pada tahap tinggi dalam kalangan siswa guru semester 3 (Ambilan Jun 2016).

- C) Dapatan ketiga kajian pula adalah untuk mengenal pasti adakah siswa guru akan memilih IPG jika tiada peruntukan elaun. Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

| Bil | Pemilihan IPG       | Bil & Peratus  | Justifikasi  |
|-----|---------------------|----------------|--|
| 1   | Tidak               | 53 orang (41%) | Meminati kerjaya yang lain, masuk IPG kerana ada elaun, masuk universiti lebih terbuka kepada pekerjaan yang lain; |
| 2   | Ya                  | 49 orang (38%) | Inilah bezanya IPG dengan institusi lain;  |
| 3   | Terpaksa meneruskan | 24 orang (19%) | Terikat dengan perjanjian dan menurut permintaan ibu bapa  |

Berdasarkan Jadual 5, kajian menunjukkan bahawa 53 orang atau 41% siswa guru tidak akan memilih untuk meneruskan pengajian di IPG jika tiada peruntukan elaun disediakan. Ini kerana pada perspektif siswa guru bahawa mereka memilih untuk melanjutkan pengajian di IPG adalah kerana adanya peruntukan elaun tersebut. Siswa guru turut menyatakan bahawa mereka lebih mementingkan kerjaya lain jika memilih untuk meneruskan pengajian di universiti yang lain kerana peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah terbuka dengan lebih luas lagi.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

IPG merupakan salah satu institusi yang mengeluarkan modal insan guru. Oleh itu guru yang dihasilkan perlulah mempunyai personaliti yang baik dan berwatak sebagai seorang guru. Oleh itu, kemahiran insaniah yang berasaskan misi dan visi IPGKIK perlu berupaya melahirkan pendidik yang kompeten, bersahsiah terpuji, berdaya saing dan berintegriti. Kemahiran insaniah ini perlu diterjemahkan, diterapkan sepenuhnya oleh siswa guru, pensyarah dan staf.

Kemahiran insaniah ini perlu dihayati dan disebarluaskan oleh setiap siswa guru melalui pelbagai medium seperti perhimpunan bulanan, minggu suai kenal semasa pendaftaran siswa guru, surat edaran, papan tanda, banner dan poster dan diletakkan di sudut-sudut yang strategik. Melalui perkongsian seperti ini warga IPGKIK mampu bergerak bersama dengan hala tuju yang sama untuk mencapai kejayaan. Dalam setiap pelaksanaan aktiviti pendidikan yang melibatkan siswa guru, pensyarah dan staf perlu dikaitkan dengan visi dan misi IPGKIK. Siswa guru dan pensyarah hendaklah mengulangi ikrar dalam setiap aktiviti bagi memastikan kemahiran insaniah, visi dan misi menjadi pegangan dan sasaran matlamat bersama. Kesannya bukan sahaja setiap siswa guru, pensyarah dan staf dapat memahami dan menyatakan visi dan misi IPGKIK dengan tepat dan jelas malahan penghayatannya dapat dilihat melalui peningkatan kejayaan aktiviti atau program akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah.

Bagi mempertingkatkan pencapaian tujuh aspek tersebut dokumen Perancangan Strategik yang dihasilkan mesti mempunyai elemen-elemen penting yang berupaya menterjemahkan visi dan misi dan dijadikan panduan bagi mencapai perancangan strategik IPGKIK. Satu penilaian semula terhadap matlamat strategik, objektif khusus, strategi dan pelan tindakan perlu dijalankan pada pertengahan tahun atau akhir tahun. Langkah yang diambil ini dapat memastikan kemahiran insaniah ini dapat dicapai melalui visi dan misi serta dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu objektif organisasi tercapai dan akhirnya memberi ruang untuk membuat penambahbaikan dalam tindakan organisasi.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan pencapaian siswa guru terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru semester 3



(Ambilan Jun, 2016) yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur melalui pengorganisasian visi dan misi institut. Pengetahuan tentang kemahiran insaniah, visi dan misi institut dalam kalangan siswa guru berupaya melahirkan guru yang lebih kompeten dan berintegriti dalam menghadapi era pendidikan abad 21.

## RUJUKAN

- Ahmad, M.A. (2007). Kriteria yang diperlukan oleh graduan kejuruteraan awam dalam pasaran industri pembinaan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Azim, S., Gale, A., Lawlor-Wright, T., Kirkham, R., Khan, A., & Alam, M. (2010). The importance of soft skills in complex projects. *International Journal of Managing Projects in Business*, 3(3), 387-401.
- Balcar, J. (2014). Soft skills and their wage returns: Overview of empirical literature. *Review of Economic Perspectives*, 14(1), 3-15.
- Bancino, R., & Zevalkink, C. (2007). Soft skills: The new curriculum for hard-core technical professionals. *Techniques: Connecting Education and Careers (J1)*, 82(5), 20-22.
- Barrie, S.C. (2004). A research-based approach to generic graduate attribute policy. *Higher Education Research and Development*, 23, 261-275.
- Bowden, J., Hard, G., King, B., Trigwell, K. & Watts, O. (2000). UTS: *Institute of interactive media of learning*. Retrieved October, 23, 2012, from Generic Capabilities of ATN University Graduates: <http://www.iml.uts.edu.au/curriculum/index.html>.
- Bowden, J., Hart, G., King, B., Trigwell, K. & Watts, O. (2000) *Generic Capabilities of ATN University Graduates*. <http://www.clt.uts.edu.au/ATN.grad.cap.project.index.html>
- Cappel J J. (2001). Entry-level IS job skills: A survey of employers. *Journal of Computer Information Systems* 42 82-76
- Carnevale, A. P. (2013). 21<sup>st</sup> century competencies for college and career readiness (pp. 1-9). Broken Arrow, OK: *National Career Development Association*.
- Cubie, Sir A. (2010). 'Graduates for the 21st Century. Where students go: the Employer perspective'. Invited keynote address, 7th Annual Enhancement Themes Conference, Heriot-Watt University, 2-3 March 2010. Retrieved from <http://www.enhancementthemes.ac.uk/Conference/Previous/2010/default.asp>
- Curtis, D. & McKenzie, P. (2002). Employability skills for Australian industry: Literatur review and framework development. Melbourne, Australia: Australian Council for Education Research.
- Dixon, J., Belnap, C., Albrecht, C., & Lee, K. (2010). The importance of soft skills. *Corporate Finance Review*, 14(6), 35-38. Retrieved from <http://store.tax.thomsonreuters.com/accounting/Finance/Corporate-Finance-Review/p/100200364>

- Drummond, I., Nixon, I. & Wiltshire, J. (1998). Personal transferable skills in higher education; the problems of implementing good practice. *Quality assurance in education*, 6, 19-27.
- Eger, H., & Grossmann, V. (2004). Noncognitive abilities and within group wage inequality. Bonn: Institute for the Study of Labour.
- Fang X, Lee S, dan Koh S. (2005). Transition of knowledge/skills requirement for entry-level IT professionals: An exploratory study based on recruiters' perception. *Journal of Computer Information Systems* 46: 58–70
- Fletcher, J & Padron, N. (2016) The effects of teenage childbearing on adult soft skills development. *Journal Population Economic* 29:883–910.
- Freeman, M, Hancock, P., Simpson, L., Petocz, P., Densten, I. & Gibson, K. (2008). *Business as Usual*. ABCD Scoping Report.
- Hart Research Associates. (2013). It takes more than a major: Employer priorities for college learning and success. Washington DC, Hart Research Associates
- Heckman, James J., Jora Stixrud and Sergio Urzua. (2006). "The effects of cognitive and noncognitive abilities on labor market outcomes and social behavior," *Journal of Labor Economics*, v24, 411-482.
- Jones, M, Baldi, C, Philip, C & Waikar, A. (2016) The hard truth about soft skills: What recruiters look for in business graduates. *College Student Journal* 50; 3.
- Juliza Ezaida Jumelan (2014). Penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. UTHM.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Ke empat. Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur.
- Kautz, T., Heckman, J. J., Diris, R., Ter Weel, B., & Borghans, L. (2014). Fostering and measuring skills: Improving cognitive and non-cognitive skills to promote lifetime success. National Bureau of Economic Research.
- Keong, P. P. (2014). Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di Politeknik KPM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Klaus, P. (2010). Communication breakdown. *California Job Journal*, 28, 1-9.
- Litecky, C. R., Arnett, K. P., & Prabhakar, B. (2004). The paradox of soft skills versus technical skills in is hiring. *Journal of Computer Information Systems*, 45(1), 69.
- Manpower Group. (2013). Talent shortage survey research results. Milwaukee, WI: Manpower Group.

- McClelland D. (1973). Testing competence rather than intelligence. *American Psychologist* 46: 1–14.
- McMurtrey M E, Downey J P, Zeltman S M, & Friedman W H 2008 Critical skill sets of entry-level professionals: An empirical examination of perceptions from field personnel. *Journal of Instructional Technology Education* 7: 101–19.
- Owen, E. (2001). What key skills do employers need?. *Journal of Geography in Higher Education*. 25: 121–6.
- Quek, A.H. (2005). Learning for the workplace: A case study in graduate employee's competencies. *Journal of Workplace Learning*. 17: 4.
- Sethi, R. (2016). Importance of Soft Skills for Professional Student. *International Journal of Recent Research*. 113-115.
- Stevenson, D. H., & Starkweather, J. A. (2010). PM critical competency index: IT execs prefer soft skills. *International Journal of Project Management*, 28(7), 663-671.
- Treleavan, L & Voola, R (2008). Integrating the development of graduate attributes through constructive alignment. *Journal of Marketing Education*, 20, 160-73.
- Weber, M. R., Finley, D. A., Crawford, A., & Rivera, D. (2009). An exploratory study identifying soft skill competencies in entry-level managers. *Tourism and Hospitality Research*, 9(4), 353-361. doi:<http://dx.doi.org/10.1057/thr.2009.22>